

# **PRAPELANCARAN PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BAGAN DATUK**



Bersempena dengan Fiesta Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Sayang Malaysia yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak pada 19 November 2017, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Timbalan Perdana Menteri) telah menyempurnakan Prapelancon Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Bagan Datuk, Perak. Hadir sama ketika majlis ialah YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

PPR Bagan Datuk ini merupakan salah satu daripada lapan (8) inisiatif NBOS Negeri Perak. PPR ini akan dibina di Bagan Datuk Water City di atas tanah seluas 38 ekar milik Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak yang akan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM131,440,000.00. PPR ini adalah salah satu komponen dalam pembangunan bersepadu di Bagan Datuk Water City oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang dipantau oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pembangunan PPR ini akan bermula pada Disember 2017 dan dijangka siap dalam tempoh tiga (3) tahun.





PPR Bagan Datuk ini akan menyediakan 500 unit rumah jenis teres yang mana setiap unit rumah adalah berkeluasan 700 kaki persegi bagi unit tipikal dan 710 kaki persegi bagi unit OKU. PPR yang akan dibangunkan dengan konsep pembinaan teknologi hijau ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan fasiliti antaranya ialah balai komuniti, tadika, gerai, surau, taman permainan kanak-kanak dengan laluan rekreasi, gelanggang terbuka, lampu taman dan peralatan senaman.





KOS PROJEK  
**RM131.44 JUTA**

**500 UNIT**  
RUMAH TERES SETINGKAT

BERKELUASAN **700kps**

## PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BAGAN DATUK, PERAK

PPR INI TURUT DILENGKAPI :



KEDAI  
DAN CERAJ



SURAU



TAMAN  
PERMAINAN



BALAI  
KOMUNITI



TADIKA



PARKING  
BERTINGKAT



[ehome.kpkt.gov.my](http://ehome.kpkt.gov.my) [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) [@kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov) [kpkt](https://www.instagram.com/kpkt) [KPKT Malaysia](https://www.facebook.com/KPKT_Malaysia)

[@perumahanJPN](https://twitter.com/perumahanJPN) [Jabatan Perumahan Negara \(JPN\)](https://www.facebook.com/JabatanPerumahanNegara) [JabatanPerumahan JPN](https://www.youtube.com/JabatanPerumahanJPN)

Selepas majlis pelancaran, YAB Timbalan Perdana Menteri meluangkan masa melawat gerai-gerai pameran yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan. Semasa lawatan ke gerai pameran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan Sijil Pendaftaran MyBomba JPP dan alat pemadam api dan sijil kepada enam (6) enam buah Pasukan MyBOMBA JPP yang terletak di bawah Majlis Perbandaran Teluk Intan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT